

Sekitar banjir

# Ragut 5 nyawa

**FAKTA**  
Dua lemas  
di Kluang,  
tiga lagi  
di Segamat

METRO



AJAL...tentera membawa mayat mangsa banjir di Kampung Jawa, Segamat.

>>Oleh Mohd Ramzi Sanny, Zalifah Mohd Yatim, Mary Victoria Dass, Johan Afandi, Junita Mat Rasid, Mohd Roji Abdullah, Ahmad Othman dan Paiman Selamat

am@hmetro.com.my

**J**OHOR BAHRU: Dua daripada lima korban banjir di negeri ini ialah seorang guru wanita Sekolah Menengah Paloh di Kluang yang ditemui mati bersama bapa saudaranya dalam sebuah kereta di Sungai Sembrong, Paloh, Kluang, petang semalam.

Mayat Mageswari a/p Muniandy, 26, dan bapa saudaranya, Muniandy a/l Arulappan, 57, ditemui jam 2.30 petang iaitu 48 jam selepas mereka dikatakan terperang-

kap dalam kereta yang dihanyutkan arus deras di Jalan Paloh-Kluang berhampiran sebuah ladang kelapa sawit.

Kenderaan mangsa yang berasal dari Perak, ditemui terperosok di sungai berkenaan oleh pasukan penyelamat kira-kira 50 meter dari tempat dihanyutkan arus.

Mageswari yang baru setahun mengajar di sekolah berkenaan dan bapa saudaranya terperangkap dalam kereta mereka Selasa lalu.

Difahamkan seorang saksi melihat kereta mangsa yang tersangkut di tengah jalan tiba-tiba dihanyutkan arus deras sebelum dijumpai di sungai berkenaan, semalam.

Pasukan penyelamat yang melakukan operasi mencari menjumpai Mageswari dan

Muniandy dalam keadaan merenguk seperti ketakutan dalam kereta itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang melakukan lawatan di tiga daerah paling teruk dilanda banjir iaitu Segamat, Kota Tinggi dan Kluang semalam, mengesahkan dua kematian di Paloh itu.

Beliau berkata, kereta mangsa tersadai di tengah jalan sebelum dibawa arus, Selasa lalu.

"Kenderaan itu sudah ditemui tengah hari tadi (semalam) oleh anggota penyelamat yang mengeluarkan kedua-dua mayat itu," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Kahang), S Ramesh, pula mengesahkan bahawa ma-

yat wanita yang ditemui dalam kereta itu adalah guru Sekolah Menengah Paloh, Mageswari.

Sementara itu, tiga lagi korban banjir luar biasa yang melanda seluruh Johor sejak Ahad lalu ditemui di Segamat.

Tukang cat rumah, Nor Azahari Nordin, 28, dari Kampung Loga, Jementah, dilaporkan dihanyutkan arus deras ketika mandi di sebuah sungai berhampiran, pagi kelmarin.

Mayat Nor Azahari ditemui pasukan penyelamat lewat petang kelmarin selepas usaha mengesannya dijalankan sebaik polis menerima laporan dari penduduk kampung.

Jurucakap polis berkata, da-

lam kejadian lain, seorang warga emas yang lumpuh, Ahmad Sharkawi, 70, ditemui lemas dalam rumahnya yang ditenggelami banjir di Kampung Jawa, dekat sini.

Mayat Ahmad yang turut menghidap angin ahmar ditemui dalam rumah oleh penduduk kira-kira jam 9 pagi semalam sebelum diikuti penemuan mayat wanita, Masiah Ahmad, 69, juga dari Kampung Jawa, teraupung di luar sebuah rumah.

Masiah dipercayai terjatuh ketika kawasan kampung itu dinaiki air.

Mayat ketiga-tiga mangsa itu dihantar ke Hospital Segamat untuk bedah siasat.

Sehingga jam 11 malam tadi, 57,477 mangsa banjir dipindahkan ke 302 pusat pe-

mindahan di seluruh negeri ini.

Daerah Muar mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu seramai 16,284 daripada 3,060 keluarga ditempatkan di 75 pusat pemindahan.

Perangkaan yang dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri itu merekodkan Kluang mempunyai 9,653 mangsa (41 pusat), Johor Bahru dengan 8,568 mangsa (26 pusat), Segamat 8,906 mangsa (59 pusat), Batu Pahat 9,867 mangsa (62 pusat), Kota Tinggi 5,613 mangsa (18 pusat), Pontian 2,687 mangsa (26 pusat) serta Mersing 442 mangsa (empat pusat).

Selain itu, beberapa jalan di Segamat dan Kota Tinggi masih ditutup.